

# Pelajar diingatkan tidak terbabit dalam aktiviti perhimpunan haram

NST 81.12.13 5

OLEH BALQIS JAMALUDIN

balqis@newsabahtimes.com.my

**KOTA KINABALU:** Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Harun Abdullah (gambar) mengingatkan para pelajarannya untuk tidak terlibat dalam sebarang aktiviti berkaitan perhimpunan haram untuk mengguling Kerajaan yang dijangka akan diadakan pada tengah malam ini di mana-mana sahaja khususnya di Sabah.

Katanya, aktiviti perhimpunan seumpama ini bukan sahaja mendorong nama buruk kepada Universiti malahan ia juga boleh merugikan para pelajar dan ahli keluarga mereka.

"UMS sentiasa menyeru kepada para pelajar supaya sentiasa fokus dengan pelajaran dan jangan terlibat dalam sebarang aktiviti yang boleh menjelaskan ketenteraman awam apatah lagi di saat minggu peperiksaan ini," katanya ketika ditemui selepas menghadiri mesyuarat jalinan kerjasama dengan Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSON) dalam menjalankan penyelidikan berkaitan dengan keselamatan perairan Sabah, di sini, kelmarin.

Katanya, walaupun UMS tidak mengeluarkan sebarang notis amaran namun

pihaknya yakin bahawa para pelajar UMS sangat matang dan dapat memikirkan kebaikan dan keburukan sesuatu perkara.

Setakat ini pihak Universiti tidak menerima sebarang laporan berkaitan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti yang tidak sihat, katanya.

"Saya sendiri sentiasa mengamalkan sikap terbuka kepada para pelajar di mana mereka boleh datang berjumpa saya pada bila-bila masa sekiranya mempunyai sebarang rasa tidak puas hati," katanya.

Namun katanya, tindakan undang-undang akan diambil sekiranya terdapat pelajar yang dikesan menyertai perhimpunan haram ini.

Sementara itu, ketika ditanya pembenar, Dr. Harun menyatakan pihaknya tidak menerima sebarang aduan melibatkan kes keracunan makanan diakibatkan oleh keadaan kantin UMS di kampus Labuan yang kurang bersih seperti yang diwar-warkan di laman sosial facebook.

Katanya, pihak pengurusan UMS begitu mengambil serius dalam hal berkaitan keselamatan dan kebajikan pelajar dan akan mengambil tindakan tegas jika terdapat sebarang bukti mengenainya.

"Setakat ini UMS tidak emnerima



sebarang aduan, kalau ada pun mesti Pengarah Kampus Labuan akan maklumkan kepada saya," katanya sambil menasihati para pelajar supaya tidak mudah terpedaya dengan setiap berita yang dipaparkan di laman sosial termasuk facebook.